Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda

Mimbar Nakhoda منبر نقهودا

BIL: 9/22 SYAABAN 1435H/20 JUN 2014 PERCUMA UNTUK AHLI JEMAAH MASJID

GANJARAN PUASA HANYA DIKETAHUI OLEH ALLAH TA'ALA


Hadhrat Abul-Laits Rahmatullah 'Alaih telah meriwayatkan dengan sanadnya daripada Hadhrat Zaid Ibni Arqam Radhiyallahu 'Anhu berkata bahawa Hadhrat Nabi Muhammad Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam telah bersabda:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: اَلأَعْمَالُ خَمْسَةٌ: فَعَمَلٌ بِمِثْلِهِ، وَعَمَلٌ مُوْجِبٌ، وَعَمَلٌ بِعَشَرَةٍ، وَعَمَلٌ بِسَبْعُمِائَةٍ، وَعَمَلٌ لاَ يَعْلَمُ ثَوَابَ عَامِلِهِ إِلاَّ اللهُ. فأما العمل الذى بمثله فالرجل يعمل سيئة يكتب عليه واحدة ورجل يهم بحسنة ولم يعملها فيكتب له حسنة، والعمل الموجب من لقى الله لا يعبد إلا هو وجبت له الجنة ومن لقى الله يعبد غيره وجبت له النار، والعمل الذى بعشرةٍ من عمل حسنة يكتب له عشرة، والعمل الذى بسبعمائة من عمل فى سبيل الله او ينفق فى ذلك فيكتب له سبعمائة والعمل الذى لا يعرف ثواب عامله إلا الله فهو الصوم. (تنبيه الغافلين)

"Amal perbuatan itu ada lima: 1) Amal yang dibalas sama, 2) dan amal yang menentukan, 3) dan amal sepuluh kali lipatganda pahalanya, 4) dan amal tujuh ratus kali lipatganda pahalanya, 5) dan amal yang tidak diketahui pahalanya kecuali Allah. Adapun amal perbuatan yang balasannya sama iaitu orang yang berbuat kejahatan maka dibalas satu, atau seorang yang berniat akan berbuat kebaikan tetapi tidak jadi berbuat, maka dicatat baginya satu kebaikan. Adapun amal yang menentukan ialah orang yang menghadap kepada Allah dengan tidak mensekutukan Allah dengan sesuatu apapun pasti masuk ke Syurga, dan orang yang menghadap kepada Allah dengan mempersekutukan Allah dengan lain-lainNya maka pasti masuk Neraka. Adapun amal yang mendapat sepuluh kali ganda pahalanya ialah orang yang berbuat Hasanat kebaikan maka dicatat baginya sepuluh kali lipatganda pahalanya. Adapun amal yang mendapat tujuh ratus ialah setiap amal memperjuangkan Agama Allah atau perbelanjaan dalam Jihad Fi Sabilillah. Adapun amal yang tiada diketahui ganjaran pahalanya kecuali Allah sendiri, maka ianya adalah Puasa." [Tanbihul-Ghafilin]

PENGAJARAN HADITS

Baginda Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam telah membahagikan amal perbuatan manusia kepada lima kategori sama ada perbuatan itu baik ataupun buruk. Empat darinya dapat dihitung dan diketahui jumlah pahalanya atau nilai dosanya oleh Para Malaikat yang mencatatkan amal kebaikan dan keburukan, namun ganjaran bagi amalan berpuasa adalah dalam kategori yang tidak diketahui nilai ganjarannya walau oleh Para Malaikat pencatat sekalipun, kerana Puasa adalah suatu bentuk amalan 'Ibadat ikhlas yang dilakukan tanpa perlu ditunjuk-tunjuk, dan setiap orang yang berpuasa adalah bermujahadah menurut tingkatan nafsunya yang tersembunyi dan hanya Allah sahaja yang dapat menentukan kualiti dan nilai amalan puasa yang dilakukan dalam keadaan tersembunyi. Setiap amal 'Ibadat yang dilakukan pada Jalan Allah dan sebarang perbelanjaan harta serta amal usaha untuk memperjuangkan Agama Allah akan diganjari dengan 700 kali ganda.



Dan bahawa sesungguhnya Baginda Muhammad Rasulullah
Shallallahu `Alaihi Wassalam adalah hambaNya yang terpilih,
Dan NabiNya yang terbaik,
Dan RasulNya yang diridhai,
Dan sesungguhnya Baginda adalah Khatam Al-Anbiya
Penutup Sekelian Para Anbiya,
Dan Imam Al-Atqiya pemimpin sekelian Para Muttaqin,
Dan Sayyid Al-Mursalin ketua sekelian Para Mursalin,
Dan Habib Al-'Alamin kekasih Tuhan Semesta Alam,
Dan Baginda diutuskan kepada sekelian Jin dan seluruh Manusia dengan
kebenaran yang Haqq dan petunjuk Hidayat,
Dan dengan membawa Nur dan sinaran cahaya.
Dan setiap dakwaan Nubuwwah Kenabian sesudah Nubuwwah Kenabian
Baginda Muhammad adalah sesat dan ikutan Hawa Nafsu.



Mimbar Nakhoda ini diterbitkan secara mingguan oleh Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda, Jalan Nakhoda Tengah, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan dengan kerjasama Naqsyabandi Akademi Quran Sunnah Hadits, Madrasah Ulul Azmi, Kg. Sepakat Wira Damai, Batu Caves. Cetakan adalah terhad, maka digalakkan untuk difotostat dan diedarkan kepada orang lain, semoga Allah memberkati dan memberikan pahala yang berterusan, Amin.

Ketua Editor: Ust. Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi
Penolong Editor: Sdr. Muhammad Taufiq

MENSHIFATKAN ALLAH DENGAN JISIM DAN ANGGOTA BADAN ADALAH ‘AQIDAH KAFIR

Dalam kitab Najmul-Muhtadi m/s 588 menyatakan:

“Dan dari ‘Ali Radhiyallahu ‘Anhu telah berkata: “Akan kembali satu kaum dari Ummat ini sewaktu hamper Hari Qiyamat, mereka itu adalah Kuffar,” kata seorang lelaki: “Wahai Amirul Mukminin, mereka itu Kafir dengan sebab apa, sebab melakukan sesuatu yang baharu atau mengingakari sesuatu?” Kemudian ‘Ali berkata: “Bahkan mereka mengingkari, mereka mengingkari Pencipta mereka, lalu mereka menshifatkanNya dengan jisim dan anggota badan.”

Al-Imam Abu ‘Abdillah Muhammad bin Al-Anshari Al-Qurtubi (w.671H) pengarang kitab Tafsir Al-Jami’ Li Ahkam Al-Quran” (20 jilid), beliau berkata ketika menjelaskan hokum orang yang mengatakan Allah berjisim tetapi tidak sama dengan jisim pada jilid 12, halaman 256 dan jilid 4 halaman 13-14:

“Maka bahawasanya perkataan mereka golongan Mujassimah: “Tuhan berjisim” atau “Tuhan adalah cahaya”, menetapkan bahawa Tuhan itu berjisim dan cahaya tetapi perkataan mereka golongan Mujassimah: “Tidak sama dengan cahaya” dan “Tidak sama dengan jisim” membatalkan apa yang ditetapkan semula. Ini perkataan yang saling bertentangan iaitu Tuhan berjisim tetapi tidak sama dengan jisim dan ia tidak boleh diterima oleh akal sama sekali. Pendapat yang Shahih adalah mengkafirkan Mujassim iaitu orang yang mengatakan Allah jisim tetapi tidak sama dengan jisim, kerana sesungguhnya tidak ada beza di antaranya Mujassim dan di antara penyembah berhala, iaitu orang yang mengatakan: “Allah berjisim tetapi tidak sama dengan jisim” adalah sama dengan penyembah berhala.”

TOKOH ISLAM

IMAM BUKHARI

Nama sebenar Imam Bukhari ialah Abu ‘Abdullah Muhammad bin Isma’il bin Al-Mughirah Al-Bukhari. Beliau lahir pada 13 Syawwal 194H di Bukhara, sebuah kawasan di Khurasan iaitu Turkistan Barat. Ayahnya meninggal dunia tatkala beliau masih kanak-kanak dan beliau dipelihara oleh ibunya. Beliau mulai memperolehi ilmu mengenai Hadits Nabi ketika berusia 10 tahun di Bukhara. Ketika berusia 16 tahun beliau telah pergi mengerjakan Haji di Makkah ditemani ibu dan kakaknya, kemudian beliau telah mengucapkan selamat jalan kepada ibu dan kakaknya kerana dia ingin menetap di Makkah, lalu belajar Ilmu Hadits dari Para ‘Ulama di Makkah, kemudian berhijrah di Madinah hingga selama 6 tahun di Tanah Hijaz. Kemudian beliau menuju ke Iraq, Bashrah, Kufah, Baghdad, Mesir, Syria dan di kota-kota besar seluruh Negara Islam dalam tempoh masa 16 tahun. Beliau mempunyai karangan kitab Hadits Shahih yang terkenal dengan nama Shahih Bukhari, dalam kitab ini diisi dengan Hadits-hadits yang Shahih belaka. Beliau pernah berkata: “Tidak aku masukkan ke dalamnya (Ash-Shahih) kecuali Hadits yang Shahih sahaja. Aku menghafaz lebih daripada 100 ribu Hadits Shahih dan 200 ribu Hadits yang tidak Shahih.” Antara pujian Ibnu Hajar kepada beliau: “Tiadalah yang lebih menakjubkan daripada ingatannya yang mampu menolak hadits yang salah kepada yang benar dan lebih hebat lagi, beliau mampu menghafaznya yang salah mengikut tertib satu persatu.” Menurut riwayat, beliau pernah belajar menuntut ilmu pengetahuan daripada lebih seribu orang guru untuk mendengarkan Hadits hingga terkenal sebagai seorang Imam yang telah menghafaz berpuluh ribu hadits dengan cukup sempurna serta tahan diuji kekuatan ingatannya. Ada kisah yang mengatakan bahawa sewaktu beliau datang ke Baghdad maka Para ‘Ulama Hadits yang terkemuka di kota itu telah berusaha menguji kekuatan ilmu beliau. Mereka telah kemukakan kepada beliau sebanyak seratus Hadits yang dicampur-adukkan dan dikacau-bilaukan Sanad dan lafaz Matan Hadits, kemudian beliau telah diminta menerangkan dan membetulkannya. Beliau dengan segera menyatakan Hadits-hadits tersebut dengan menerangkan sanad bagi tiap-tiap Matan menurut yang dihafaznya. Dengan ini barulah mereka tahu kebolehan beliau dan terus mengakui kelebihannya. Beliau meninggal dunia pada malam Sabtu berbetulan dengan malam Hari Raya `Aidil Fitri pada tahun 256H ketika berusia 62 tahun dan tiada meninggalkan seorang anak pun.

إصطلاح أصول الفقه

ڤڠرتين أصول الفقه درى سڬى إصطلاح إياله علمو تنتڠ قاعده–قاعده دان دليل–دليل يڠ برصيفت عموم يڠ دڬوناكن باڬى مڠإستنباطكن دان مڠڬالى حكوم فقه. قاعده اداله كڤاتاءن عموم يڠ دڬوناكن اونتوق دترڤكن كأتس مسئله–مسئله يڠ خصوص. سباڬاى چونتوه، قاعده يڠ مڠاتاكن: **"ستياڤ ڤرينته منوبجوقكن كڤد حكوم واجب ملائينكن جيك ادا قرينه اتو سبب يڠ منوبجوقكن سباليقڽ."** جادى، سموا لفظ القرآن دان الحديث يڠ داتڠ دڠن لفظ فعل أمر يڠ برمقصود ڤرينته، ماك اياڽ اداله دحكومكن واجب اونتوق دلقسناكن. مثالڽ، ڤرمان الله تعالى: يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَوۡفُواْ بِٱلۡعُقُودِ ارتيڽ: وهاى اورڠ–اورڠ يڠ برإيمان، سمڤورناكنله ڤرجنجين–ڤرجنجين (5:1)، دان ڤرمان الله تعالى: وَأَقِيمُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُواْ ٱلزَّكَوٰةَ وَأَطِيعُواْ ٱلرَّسُولَ لَعَلَّكُمۡ تُرۡحَمُونَ ارتيڽ: دان ديريكنله سمبهيڠ سرت بريله زكاة دان طاعتله كامو كڤد رسول الله سموك كامو درحماتى (24:56).

برداسركن كڤد قاعده **"ستياڤ ڤرينته منوبجوقكن كڤد حكوم واجب"،** كيت دڤت مڠتاهوئى درڤد كدوا–دوا آيات ترسبوت بهوا ميمڤورناكن ڤرجنجين، منديريكن سمبهيڠ، مڠلواركن زكاة دان طاعت كڤد رسول الله صلى الله عليه وآله وسلم اداله حكومڽ واجب كران تله داتڠ كڤد كيت دالم بنتوق ڤرينته فعل أمر. چونتوه لائين سڤرتى قاعده يڠ مڠاتاكن بهوا **"ستياڤ لارڠن منوبجوقكن كڤد حكوم حرام ملائينكن جيك ادا قرينه يڠ منوبجوقكن سباليقڽ."** جادى، سموا لفظ القرآن دان الحديث يڠ داتڠ دڠن لفظ لارڠن نهى إيت اداله منوبجوقكن كڤد حكوم حرام. مثالڽ، ڤرمان الله تعالى: وَلَا تَقۡرَبُواْ ٱلزِّنَىٰٓ ارتيڽ: دان جڠنله كامو مڠهمڤيرى زينا (17:32) دان ڤرمان الله تعالى: يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَأۡكُلُوٓاْ أَمۡوَٰلَكُم بَيۡنَكُم بِٱلۡبَٰطِلِ ارتيڽ: وهاى اورڠ–اورڠ يڠ برإيمان، جڠنله كامو ماكن اتو ڬوناكن هرتا–هرتا كامو سسام كامو دڠن جالن يڠ ساله (4:29). برداسركن كڤد قاعده **"ستياڤ لارڠن منوبجوقكن كڤد حكوم حرام"،** كيت دڤت مڠتاهوئى درڤد كدوا–دوا آيات ترسبوت بهوا ملاكوكن زينا، مماكن هرتا اورڠ لائين دڠن جالن يڠ ساله اداله حرام حكومڽ.

FADHILAT PUASA SUNNAT

Hadhrat Ibnu ‘Abbas Radhiyallahu ‘Anhu telah ditanyakan tentang Puasa, maka beliau berkata:

“Sukakah daku ceritakan kepadamu Hadits yang termasuk dalam perbendaharaan yang tersimpan? Iaitu jika engkau inginkan Puasa Nabi Daud ‘Alaihissalam, maka Baginda Puasa sehari dan tidak Puasa sehari, dan bila engkau ingin Puasa Nabi Sulaiman ‘Alaihissalam, maka Puasa tiga hari pada permulaan setiap bulan yakni antara 1-10 haribulan, dan tiga hari pada pertengahannya yakni antara 11-20 haribulan, dan tiga hari pada akhirnya yakni 21-30 haribulan. Dan bila engkau inginkan Puasa Nabi ‘Isa ‘Alaihissalam, maka berpuasalah setiap hari selamanya dan makan Sya’ir dan memakai pakaian yang kasar tebalnya dan tiap malam Baginda tegak berdiri sembahyang hingga melihat tanda-tanda Fajar dan Baginda tidak berada di suatu tempat melainkan Baginda sembahyang dua rakaat. Dan bila engkau ingin Puasa ibunya iaitu Siti maryam ‘Alaihassalam, maka beliau Puasa dua hari dan tidak Puasa dua hari, dan bila engkau ingin Puasa Nabi Muhammad Shallallahu ‘Alaihi Wasallam yang sebaik-baik makhluk, maka Baginda berpuasa tiga hari pada setiap bulan iaitu pada hari-hari putih yakni tigabelas, empatbelas dan limabelas, dan mengajarkan bahawa amalan tersebut adalah sama dengan Puasa sepanjang masa.”